

08 OCT 1996

S46-Borang (Bergambar)

TENGGU RAZALEIGH SERAH 200,000 BORANG SERTAI UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menyerahkan 200,000 borang permohonan untuk menyertai Umno daripada bekas anggota S46 yang telah dibubarkan Ahad lepas.

Tengku Razaleigh dan 12 bekas pemimpin tertinggi parti itu menyerahkan borang permohonan itu bersama-sama yuran keanggotaan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu upacara di ibu pejabat Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Upacara itu dianggap sebagai kemuncak kepada usaha penyatuan Melayu menjelang perhimpunan agung Umno ke-50 yang bermula esok.

Sebanyak 26 kotak berisi borang permohonan itu diserahkan kepada Dr Mahathir dengan disaksikan pemimpin Umno lain termasuk Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung Datuk Mohamed Rahmat dan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz.

Antara bekas pemimpin tertinggi S46 yang hadir ialah Timbalan Presiden Datuk Rais Yatim, Naib Presiden Datuk Suhaimi Kamaruddin, Setiausaha Agung Datuk Abdul Manan Osman, Ketua Penerangan Ahmad Shabery Chik serta Ketua Badan Perhubungan Negeri Kelantan Datuk Rozali Isohak.

Pada upacara itu, Tengku Razaleigh turut menyerahkan borang permohonannya sendiri kepada Dr Mahathir.

Tengku Razaleigh yang ditemui pemberita kemudiannya berkata, Dr Mahathir telah memutuskan bahawa permohonan secara beramai-ramai bekas anggota S46 itu adalah sah dan tidak akan melalui proses penapisan lagi.

"Di bawah persetujuan ini tidak ada `vetting' (penapisan) lagi, pakai en bloc (beramai-ramai) kita diterima...asalkan kita mengesahkan semuanya ahli-ahli kita yang tidak hilang kelayakan untuk menjadi ahli pertubuhan," katanya.

Mengenai empat anggota Exco kerajaan negeri Kelantan yang merupakan bekas anggota S46, beliau berkata kesemua mereka turut memohon menyertai Umno.

Katanya, kedudukan mereka (sebagai anggota Exco kerajaan negeri Kelantan) akan dipertimbangkan semula dan akan dibincang dengan Dr Mahathir.

"Saya rasa Umno akan putus," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Presiden Umno, pemimpin serta anggota parti itu kerana bersedia menerima anggota S46 untuk menjadi anggota Umno.

Tengku Razaleigh berkata, sebanyak 200,000 permohonan yang diserahkan hari ini merupakan peringkat permulaan sahaja manakala selebihnya akan diserahkan dalam masa seminggu-dua lagi.

Ketika ditanya mengenai perasaannya dalam menyertai semula Umno itu, beliau berkata; "Perasaan saya macam biasa juga, kerana saya orang politik...dah lama dalam politik."

Katanya, bekas anggota S46 menerima sebanyak 50 kad jemputan untuk menghadiri perhimpunan agung Umno dan kesemuanya akan dipenuhi. -- BERNAMA

RAZ NMO